

Kita mampu bina kapal terbang tahun 2020 — PM

JITRA 10 Okt. — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia yang akan menjadi negara maju menjelang tahun 2020 mampu membina kapal terbang dan roket sendiri.

Beliau berkata, perkara tersebut tidak mustahil kerana bangsa Malaysia tidak mempunyai perbezaan dengan bangsa kulit putih dari negara-negara yang lebih maju.

"Ini tak mustahil kerana kita yang merancang untuk masa depan kita tetaqi yang menentukan adalah Tuhan," katanya sambil menerima tepukan gemuruh dari kira-kira 10,000 hadirin di Padang Institut Kemahiran Belia Negara di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian di majlis pelancaran Program Malaysia Prihatin Peringkat Kebangsaan, Perasmian Institut Kemahiran Belia Negara, Jitra dan Pelancaran Perhimpunan Belia Peringkat Negeri Kedah.

Perdana Menteri berkata, jika negara-negara maju boleh mencipta dan membina kapal terbang dan roket sendiri tidak ada sebab Malaysia tidak boleh berbuat demikian.

"Insyallah, satu hari kita sendiri boleh bina roket; ini bukanlah satu perkara yang mustahil jika rakyat ada semangat dan bercita-cita tinggi," katanya.

Apa yang penting, kata Perdana Menteri, rakyat harus bercita-cita besar, berdisiplin tinggi, berkerja kuat dan bertanggungjawab dalam memenuhi wawasan 2020.

Perdana Menteri berkata, jabatan-jabatan kerajaan hendaklah mengambil sikap berjimat cermat dalam perbelanjaan untuk mengadakan majlis-majlis rasmi.

Katanya, di dalam keadaan negara yang mempunyai sumber kewangan terhad adalah perlu jabatan-jabatan kerajaan menggunakan peruntukan yang diberi sebaik mungkin bagi mencapai hasil yang maksima.

Serentak itu beliau memuji langkah kerajaan Ke-

dah mengadakan tiga acara rasmi serentak pada satu masa yang dapat menjimatkan kos dari segi ekonomi.

Perdana Menteri mengajak rakyat supaya merealisasikan cita-cita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Menurutnya adalah tidak mustahil Malaysia akan muncul sebagai negara maju ke 16 pada tahun 2020 jika semua rakyat bekerja keras dan sanggup bersaing dengan negara-negara seperti Singapura, Taiwan dan Korea Selatan.

Beliau berkata setakat ini hanya 15 dari 190 buah negara di dunia telah mencapai tahap maju sedangkan yang lain masih di peringkat membangun atau mundur.

"Kita rancang untuk masa 30 tahun kerana kita adalah manusia yang diberi akal fikiran berbeza dengan haiwan yang tidak perlu merancang untuk hidup," tegasnya.

Sehubungan itu beliau membidas golongan yang menganggap bahawa manusia tidak perlu merancang untuk hidup kerana semua adalah ketentuan dari Tuhan.

Justeru itu Dato' Sri DT. Mahathir menegaskan tanpa perancangan manusia akan gagal setia masa dalam sebarang pekerjaan yang dilakukan dalam kehidupan harian mereka.

"Kalau kita berperang umpamanya kita perlu rancang segala langkah dan strategi dan tidak menyerang membabi buta kerana tindakan itu sudah tentu kita akan musnah dikalahkan oleh musuh kita," ujarnya.

"Kerajaan merancang kerana ia mengambil berat tentang masa depan negara, tentang pembangunan rakyat dan masalah yang kita dihadapi," katanya.

Menyedari hakikat itulah kerajaan melancarkan Program Malaysia Prihatin supaya mendidik rakyat mengambil berat dalam segala yang berlaku didalam negara ini.